

# Penyembelihan guna elektrik meragukan

» Ada ayam mati ketika proses kejutan turut dijual

Oleh Azrul Affandi Sobry  
azr@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pakar berpendapat kaedah sembelihan menggunakan kejutan elektrik (stunning) kurang sesuai kerana wujud banyak unsur meragukan.

Ini berikutan kebimbangan, permintaan bekalan ayam tinggi di negara ini, faktor kecuaihan dan terlepas pandang sangat tinggi untuk berlaku, sekali gus memungkinkan ayam yang mati ketika kejutan turut disembelih dan dijual kepada orang Islam.

Meskipun kaedah ini diharuskan menerusi keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan pada 29 September 2005, kaedah kendaliannya dikatakan boleh dipertikaikan.

## Guna kaedah biasa

Pengarah Institut Pertanian Tropika (ITA) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Zul-

kifli Idrus, berkata selagi keraguan wujud dalam pengendalian kaedah itu, penyembelihan di negara ini lebih sesuai menggunakan kaedah biasa (tanpa stunning).

Malah, Pengarah Bahagian Hab Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Hakimah Mohd Yusoff, berkata agensi itu sendiri menggalakkan pusat sembelihan supaya tidak menggunakan kaedah kejutan elektrik kerana ayam mati sebelum disembelih.

Zulkifli berkata, kejutan elektrik digunakan atas dua sebab iaitu untuk memudahkan kerja sembelihan dan tidak menyakitkan haiwan ketika disembelih.

"Namun, tidak ada kajian khusus yang menyatakan haiwan itu sakit ketika disembelih. Difahamkan, ada kajian menunjukkan haiwan sebenarnya tidak sakit ketika disembelih kerana saluran yang membekalkan darah ke otak sudah putus.

"Ia sekali gus menyebabkan otak tidak memproses rasa sakit itu. Mungkin kerana itu, Islam sudah meletakkan kaedah khusus mengenai sembelihan dengan mewajibkan beberapa saluran tertentu putus.

"Masalahnya, jika benar kita di Malaysia guna kaedah stunning untuk menjaga ke-

bajikan haiwan, apa yang dilihat ayam masih sedar ketika proses itu. Sudahlah ia sakit dengan kejutan elektrik, ditambah pula sakit ketika disembelih," katanya.

## Mudah proses sembelih

Beliau berkata, di negara Barat, ayam yang melalui proses stunning akan pengan sampai selesai proses sembelihan dan langsung tidak merasa sakit.

Namun, di negara ini, ayam hanya pengan seketika dan tersedar ketika disembelih, cuma ia memudahkan proses sembelihan kerana ia tidak meronta.

"Jadi, kaedah kita bukan untuk kebajikan haiwan tetapi untuk memudahkan proses sembelihan. Masalahnya, banyak berlaku kes ayam mati sebelum disembelih," katanya.

Zulkifli berkata, situasi itu berlaku kerana untuk memenuhi permintaan yang tinggi, rumah sembelihan terpaksa menjalankan operasi se pantas yang boleh, sekali gus tidak memberi ruang kepada ayam untuk berehat ketika sampai dari ladang.

Ayam yang kepenatan akan mati ketika menerima kejutan elektrik. Penyembelih pula tidak mampu memastikan se muanya masih hidup ketika



“  
Jadi, kaedah kita bukan untuk kebajikan haiwan tetapi untuk memudahkan proses sembelihan.

**Masalahnya, banyak berlaku kes ayam mati sebelum disembelih”**

**Zulkifli Idrus,**  
Pengarah Institut Pertanian Tropika (ITA) Universiti Putra Malaysia (UPM)

disembelih kerana perlu menyembelih dengan pantas.

"Jika ada bukti saintifik yang ayam memang sakit ketika disembelih dan boleh dipastikan tidak berlaku kecuaihan dalam pengendalian kaedah stunning, ia wajar disokong.

"Namun, jika sebaliknya, kaedah itu sewajarnya digantikan dengan cara biasa yang jelas tidak meragukan," katanya.